

## KESENIAN SABA DITERJEMAH DALAM TEATER

**KUALA LUMPUR, 4 Ogos 2023** – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) telah melaksanakan Teater Tradisional Saba “**Nong Sakti**” sempena program Panggung Seni Tradisional 2023 atau singkatannya PST2023 pada 4 – 5 Ogos 2023 bertempat di MATIC. Program Perantisan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) bermula pada tahun 2005 sehingga kini. Program ini bertujuan untuk mengembangkan kesenian tempatan negeri dengan mewujudkan program perantisan sebagai pelapis kepada perkembangan industri seni tradisional tempatan. Ia melibatkan aktiviti latihan dan pembelajaran bersama tenaga pengajar yang mahir dalam sesuatu bidang dan menterjemahkan hasil latihan dalam bentuk pementasan.

Pelaksanaan PST siri terakhir kali ini mengangkat kesenian dari Negeri Terengganu iaitu kesenian Saba melalui pementasan Teater Tradisional Saba “Nong Sakni” yang di arahkan oleh saudara Mohd Khairudin bin Hanippah, seorang penggiat aktif seni teater di Malaysia dan merupakan hasil karya dari Persatuan Selampit Seni Negeri Terengganu. Untuk makluman, kesenian Saba ini merupakan kesenian hampir pupus yang hanya terdapat di Negeri Terengganu. Manakala, keistimewaan pementasan ini adalah dengan menampilkan satu-satunya pewaris kesenian saba yang juga merupakan Tokoh Seni Negeri Terengganu iaitu Puan Che Wan Noorsaidi atau lebih mesra dengan panggilan Mok Zah yang akan bermain alat muzik utama dalam persembahan Saba iaitu alat muzik Anak Uambang. Selain itu Mok Zah juga merupakan pembimbing program Perantisan Teater Saba “Nong Sakti” ini. Keunikan kesenian Saba ini juga adalah melalui keindahan bunyi alat muzik yang dimainkan di dalam setiap persembahan.

Apa itu Saba?. Saba pada asalnya merupakan satu upacara perubatan yang bertujuan untuk mengubati pelbagai jenis penyakit. Pokok saba merupakan satu keperluan dalam persembahan ini sebagai perlambangan lokasi Dewa Kayangan turun mengubati penyakit. Digambarkan sebagai sepokon pokok yang rimbun dan rendang seperti sekebum bunga, yang mencerminkan keindahan suasana di alam kayangan. Elemen-elemen seperti nyanyian, tarian dan pengucapan dialog antara

'Peduang' (perantara di bumi) dan 'Muda di Awan' (perantara di kayangan) menjadikan persembahan Saba ini begitu menarik. Mengikut kaedah perubatan Saba ini, terdapat seorang perantara antara manusia di bumi dan di kayangan berdialog untuk menjual beli pokok Saba tersebut bagi tujuan perubatan. Ceritera 'Nong Sakti' pula bermula dengan suatu kisah di kayangan dimana tiga puteri bersaudara iaitu Puteri Sulong, Puteri Tengah dan Puteri Bongsu yang berhajat turun ke bumi nyata untuk berhibur dan bermain. Maka berlaku lah pelbagai kejadian yang menimpa ketiga-tiga puteri tersebut sehinggalah salah seorang daripada mereka dipanggil sebagai Nong Sakti.

Dalam persembahan teater Sa'ba ini, terdapat 16 babak yang mengandungi elemen-elemen nyanyian, tarian dan dialog antara 'Peduang' dan 'Muda Di Awan'. Sebanyak 36 lagu dengan pelbagai cerita yang setiap satunya bertujuan untuk mengubati pesakit. Bagi mengekalkan dan membuka mentaliti orang ramai tentang kesenian Sa'ba ini, 'Nong Sakti' diolah serta diterjemahkan ke dalam bentuk teater agar relevan dengan masyarakat islam dan mengikut kesesuaian peredaran masa untuk dipertontonkan kepada semua lapisan masyarakat.

JKKN sentiasa berusaha bagi memastikan kelestarian seni persembahan tradisional seperti kesenian Saba ini dapat diteruskan pada masa akan datang. JKKN juga sentiasa memperlihatkan keindahan kebudayaan dan kesenian tradisional masyarakat majmuk di Malaysia dalam setiap siri persembahan dalam Panggung Seni Tradisional (PST). Program ini bukan sekadar persembahan 'sehalu' tetapi merupakan serampang dua mata kepada kumpulan atau persatuan seni budaya untuk mempelajari pelaksanaan sesebuah produksi bagi sesuatu persembahan. Ia juga sebagai langkah pemeliharaan dan pengekalan seni warisan negara itu sendiri yang

berupaya menjadi serampang dua mata dengan menjadikan Kuala Lumpur sebagai hab persembahan tradisional dan salah satu produk pelancongan negara.

Bagi mendapatkan maklumat dan keterangan lanjut mengenai program ini, orang ramai boleh melayari media sosial JKKN melalui pautan <https://www.facebook.com/PanggungSeniTradisionalTraditionalArtsShowcase?mibextid=ZbWKwL> atau [www.facebook.com/mysenibudaya](http://www.facebook.com/mysenibudaya) dan [www.facebook.com/PanggungSeniTradisionalTraditionalArtsShowcase](http://www.facebook.com/PanggungSeniTradisionalTraditionalArtsShowcase) . Bersama ini dikemukakan link google drive untuk mendapatkan gambar persembahan <https://drive.google.com/drive/folders/16wW1bmX-9KDTk20Nm57tUPxsHeEjW4n?usp=sharing>.

**-TAMAT-**

**Dikeluarkan Oleh:**

Unit Komunikasi Korporat  
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara  
Tel: 03-2614 8200 Faks: 03-2697 0786

**Laman Sesawang:** [www.jkkn.gov.my](http://www.jkkn.gov.my) **E-mel:** [ukk@jkkn.gov.my](mailto:ukk@jkkn.gov.my)

**Platform Media Sosial Rasmi JKKN:**

Facebook: @Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan @mysenibudaya  
Instagram, Twitter & YouTube: @mysenibudaya

**Untuk Pertanyaan, Sila Hubungi**

Mazidah binti Mustapha Pengarah Unit Komunikasi Korporat, JKKN <a href="mailto:mazidah@jkkn.gov.my">mazidah@jkkn.gov.my</a> Tel: 03-2614 8200 / 012-952 2095	Eldawati binti Laung Pegawai Kebudayaan Unit Komunikasi Korporat, JKKN <a href="mailto:eldawati@jkkn.gov.my">eldawati@jkkn.gov.my</a> Tel: 03-2614 8200 / 019-8091805
--	---